

Mahathir tegur sikap pembuat makanan sejuk yg tamak

PULAU PINANG, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas setengah pembuat makanan sejuk yang selalu mengancam kedudukan rakan-rakan seperniagaan mereka untuk mencari keuntungan yang lebih.

Beliau berkata, terdapat sekumpulan pembuat makanan sejuk secara kecilan yang mengorbankan mutu dan kebersihan untuk mendapatkan jumlah dagangan yang banyak.

Mereka ini, tambahnya, menyebabkan beberapa buah negara enggan mengimport makanan sejuk yang diproses di negara ini kerana pencemaran makanan tersebut yang disebabkan oleh keinginan mendapatkan untung secepat mungkin.

Berucap di majlis makan malam ke-10 Persatuan Pengeluar Makanan Sejuk Malaysia di sini malam tadi, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, menggesa ahli-ahli persatuan itu mengekalkan mutu kebersihan yang tinggi dalam pengeluaran mereka.

Mengenai seruan persatuan itu supaya Kerajaan menarik balik cukai eksport lima peratus ke atas semua makanan segar dan makanan sejuk dari laut, beliau memberi jaminan Kerajaan akan menimbangkannya.

Bagaimanapun, faktor-faktor lain yang terlibat dalam peneilaian cukai itu terpaksa dikaji sebelum sebarang keputusan dapat diambil, katanya.

Timbalan Perdana Menteri berharap perusahaan makanan sejuk yang memperoleh \$250 juta dari pertukaran wang asing setahun, akan terus maju dan menyesuaikan diri dengan teknologi terbaru untuk menentukan mutu pemerosesan yang tinggi dan juga menjamin mutu keluaran mereka. — Bernama.